

MSWG**MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

10.06.2016

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pendapatan korporat di kalangan syarikat yang disenaraikan semakin menyusut dan telah berada dalam trend menurun selama beberapa musim. Namun begitu, ganjaran lembaga pengarah tidak mencerminkan keadaan operasi yang semakin meruncing.

Inilah masa terbaik untuk mengingatkan syarikat tersenarai bahawa ganjaran pengarah perlu selaras dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan KPI syarikat perlu didedahkan.

Baru-baru ini Bursa Malaysia menjelaskan Lembaga Pengarah perlu mendapat kelulusan daripada pemegang saham bagi sebarang kenaikan yuran pengarah walaupun terdapat had dalam yuran yang telah mendapat kelulusan pemegang saham sebelum ini.

Proton

Proton telah mendapat pinjaman RM1.25 bilion daripada Menteri Kewangan (Diperbadankan) untuk membolehkan syarikat itu mengatur aliran tunai dan menyelesaikan baki lama tertunggak yang perlu dibayar kepada pemiutang dan pembekalnya. Ini juga akan membantu membina semula keyakinan vendor dan pembekal terhadap Proton.

Kami mengambil berat tentang rekod prestasi Proton iaitu sama ada pemulihan boleh dilaksanakan. Proton perlu mampu bersaing dalam perniagaan auto yang kompetitif ini. Memandangkan kerajaan telah memberi pinjaman untuk memulihkan Proton, pemiliknya perlu memastikan syarikat ini berjaya. Jika tidak, wang rakyat akan dibazirkan dengan sia-sia.

Ekonomi Global

Merujuk komen saya sebelum ini tentang pendapatan korporat yang semakin menyusut, perkara ini berlaku pada peringkat global dan tidak hanya terhad kepada negara kita.

Data penggajian Amerika Syarikat yang mengecewakan baru-baru ini mencerminkan kebimbangan yang semakin meningkat iaitu Amerika Syarikat tidak berkembang seperti yang dilaporkan secara meluas, sebaliknya turut mengalami keadaan ekonomi global yang buruk.

Kita sudah pun sedia maklum aliran turun naik modal dan peningkatan jurang antara pendapatan korporat dan penilaian pasaran ekuiti yang semakin meningkat adalah fenomena biasa hari ini. Tahap hutang sektor awam dan isi rumah berada pada tahap membimbangkan. Pertumbuhan juga semakin perlahan.

Seperti yang diketahui umum, walaupun dasar kadar Rizab Persekutuan adalah sangat penting, pelabur minoriti perlu memahami perbezaan di antara kadar sifar (wang mudah) dan prospek fundamental 'sebenar'.

Rizab Persekutuan Amerika Syarikat mungkin menaikkan kadar faedah tahun ini atau mungkin tidak. Namun, sekarang bukan masanya untuk mengambil risiko yang keterlaluan.

Risiko global kini berada pada tahap paling tinggi dan seperti biasa, saya menggesa semua agar berhati-hati dan mengamalkan sikap berhemah.

Sekiranya anda terpaksa memperuntukkan modal yang berharga untuk membuat pelaburan saham, buatlah analisis supaya anda benar-benar menambah nilai potensi keuntungan serta memahami risikonya.

Namun, jika anda tidak tahu apa yang perlu dilakukan, maka pegangan tunai adalah pilihan utama bak kata pepatah 'tunai adalah raja'.

Rita

PERKEMBANGAN TERKINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA

PENJELASAN KEPADA PERENGGAN 7.24 SYARAT PENYENARAIAAN PASARAN UTAMA (“MMLR”)

Bursa Malaysia ada menerima pertanyaan berkaitan dengan mengguna pakai perenggan 7.24 MMLR, terutama sama ada syarikat tersenarai dibenarkan untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk jumlah yuran maksimum yang boleh dibayar kepada pengarah (“jumlah yang dihadkan”) dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa Ganjaran untuk menaikkan yuran para pengarah dalam jumlah yang dihadkan mengikut cara yang difikirkan wajar (“mandat bagi amaun yang dihadkan”). Oleh itu, mandat bagi amaun yang dihadkan akan digunakan untuk tahun-tahun mendatang tanpa perlu mendapatkan kelulusan khusus daripada pemegang saham untuk setiap kenaikan yuran pengarah dalam lingkungan jumlah yang dihadkan.

Bursa kemudiannya menjelaskan dalam melaksanakan perenggan 7.24 MMLR dan artikel yang berkaitan dalam Tataurusan Syarikat, syarikat tersenarai perlu mendapatkan kelulusan khusus daripada pemegang saham selagi ada peningkatan dalam yuran pengarah.

[Sumber: Pengumuman Bursa Malaysia di laman web Bursa Malaysia pada 30 Mei 2016]

PENUBUHAN KUMPULAN PENGGERAK TEKNOLOGI KEWANGAN

Bank Negara Malaysia (“BNM”) mengumumkan penubuhan Kumpulan Penggerak Teknologi Kewangan (“FTEG”), yang bertanggungjawab terhadap perumusan dan penambahbaikan dasar pengawalseliaan bagi memudahkan penerapan inovasi teknologi dalam industri kewangan Malaysia.

FTEG merupakan sebahagian daripada komitmen Bank untuk menyokong inovasi yang akan meningkatkan kualiti, kecekapan dan akses kepada perkhidmatan kewangan di Malaysia.

FTEG ialah kumpulan fungsian bersilang (cross functional) dan akan dipengerusikan oleh Encik Aznan Abdul Aziz, Pengarah Jabatan Pembangunan Sektor Kewangan di BNM.

FTEG juga akan bertindak sebagai pusat perhubungan khusus Bank bagi pertanyaan tentang teknologi kewangan (“fintech”) merangkumi hal-hal berkenaan pengawalseliaan yang berkaitan dengan penerapan FinTech dalam industri perkhidmatan kewangan.

[Sumber: Siaran media BNM di laman web BNM pada 2 Jun 2016]

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

SIME DARBY BERHAD (“SIME DARBY”)/ EASTERN & ORIENTAL BERHAD (“E&O”)

Sime Darby mengumumkan bahawa pada 3 Jun 2016 Sime Darby Nominees Sendirian Berhad, anak syarikat milik penuh Sime Darby, telah memeterai Perjanjian Jualan Saham untuk melupuskan 125,978,324 unit saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dan kesemua 48,795,600 waran boleh tukar 2015/2019 dalam E&O, mewakili kira-kira 10.0% kepentingan ekuiti dalam E&O (tidak termasuk saham perbendaharaan), kepada Paramount Spring Sdn Bhd (“PSSB”) untuk balasan tunai berjumlah RM342.2juta atau kira-kira RM2.60 seunit saham dan RM0.30 bagi setiap waran boleh tukar 2015/2019 dalam E&O (“Cadangan Penjualan”).

[Sumber: Pengumuman Sime Darby di laman web Bursa Malaysia pada 3 Jun 2016]

KOMEN MSWG:

Berikutan penurunan taraf kredit Sime Darby oleh beberapa agensi penarafan baru-baru ini, kami percaya pelupusan 10% kepentingan ekuiti dalam E&O bermakna wang tunai tambahan bagi Sime Darby untuk mengurangkan hutang-hutangnya serta membolehkan Kumpulan memberi lebih tumpuan kepada mengembangkan perniagaan terasnya.

Sebaliknya, pengambilalihan oleh PSSB, yang secara tidak langsung dimiliki oleh Dato’ Seri Terry Tham Ka Hon, menyampaikan maklumat penting tentang komitmen pihak pengurusan untuk mengurangkan kos agensi walaupun ada pertambahan penyertaan modal oleh pihak pengurusan E&O.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodh Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodh.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita in.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.